

SIARAN MEDIA PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI PERKHIDMATAN BAS BERHENTI-HENTI (SBST) KOTA SETAR, KEDAH

KUALA LUMPUR, 5 Jun 2025 – Sebanyak **13 laluan bas berhenti-henti** di bawah jenama **BAS.MY KOTA SETAR** telah mula beroperasi secara berperingkat mulai **1 Jun 2025**, menerusi **Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (Stage Bus Service Transformation, SBST)** di negeri Kedah. Pelaksanaan program ini adalah satu inisiatif di bawah **Belanjawan 2024 Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan berjumlah RM 80 juta bagi tempoh perkhidmatan selama (5) tahun atau bersamaan RM16 juta setahun.**

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bas berhenti-henti di Alor Setar, serta bandar-bandar lain termasuk Sungai Petani, Jitra, Kuala Kedah, Kuala Nerang dan Pendang.

Kekerapan perkhidmatan BAS.MY Kota Setar adalah setiap 30 minit bagi laluan dalam bandar, manakala antara 60 hingga 90 minit bagi laluan rentas daerah. Laluan-laluan BAS.MY Kota Setar telah dirancang untuk menghubungkan tempat-tempat tumpuan di sekitar Alor Setar seperti Hospital Sultanah Bahiyah, Pekan Rabu, Stadium Darul Aman, UTC Kedah, institusi-institusi pengajian tinggi seperti UiTM Merbok, POLIMAS, serta hab-hab pengangkutan seperti KTM Alor Setar, KTM Sungai Petani, Terminal Shahab Perdana, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, dan Jeti Kuala Kedah.

Selain itu, ia juga menghubungkan Pantai Merdeka dengan Sungai Petani bagi memudahkan orang ramai beriadah di hujung minggu. Laluan-laluan BAS.MY Kota Setar adalah seperti berikut:



- | | | |
|-------|------------------------|---------------------------------|
| I. | K10 Shahab Perdana | – Kuala Kedah |
| II. | K20 Shahab Perdana | – Jitra |
| III. | K30 Shahab Perdana | – Kuala Nerang |
| IV. | K40 Shahab Perdana | – Pendang via Simpang Empat |
| V. | K41 Shahab Perdana | – Pendang via Kota Sarang Semut |
| VI. | K50 Shahab Perdana | – Sungai Petani |
| VII. | K51 Sungai Petani | – Tanjung Dawai |
| VIII. | viii.K52 Sungai Petani | – Pantai Merdeka |
| IX. | K60 Sungai Petani | – Bandar Baharu |
| X. | K61 Sungai Petani | –Taman Kelisa |
| XI. | K62 Sungai Petani | – Taman Ria Jaya / Taman Batik |
| XII. | K63 Sungai Petani | – Bandar Perdana |
| XIII. | K100 Alor Setar Feeder | |

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) selaku agensi pelaksana Program SBST di negeri Kedah, telah melantik **Gopi Travel Tours Sdn. Bhd.** sebagai pengendali rangkaian perkhidmatan bas di bawah program ini melalui proses tender terbuka. Gopi Travel Tours Sdn. Bhd. berpengalaman dalam menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti di bawah program SBST di Seremban.

Program SBST bertujuan menambah baik mutu perkhidmatan bas berhenti-henti sedia ada agar menjadi lebih **efisien, diyakini dan mapan**, dengan mengambil kira keseimbangan antara laluan berpermintaan tinggi dan laluan sosial, kekerapan perkhidmatan, kos operasi yang optimum, serta penggunaan **48 buah bas baharu** jenis **midi** dan **mini low floor** yang lebih kondusif. Bas-bas baharu ini bersifat *low floor* yang memudahkan penumpang



untuk naik dan turun serta mesra OKU. Inisiatif ini turut merangkumi penggunaan teknologi terkini bagi memudahkan urusan pengguna seperti pembayaran tanpa tunai serta dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) bagi menjamin keselamatan pengguna.

Bagi memudahkan orang ramai menggunakan perkhidmatan BAS.MY Kota Setar, pihak kerajaan telah memperkenalkan inisiatif tambang percuma kepada golongan warga emas, OKU, pelajar sekolah, dan mahasiswa di universiti, politeknik, kolej komuniti dan matrikulasi melalui Kad Konsesi BAS.MY. Selain itu, turut diperkenalkan Kad 30 Hari BAS.MY, dimana **pengguna yang berdaftar dengan inisiatif ini boleh menggunakan perkhidmatan BAS.MY Kota Setar tanpa had selama 30 hari dengan bayaran sebanyak RM50 bagi tempoh 30 hari.**

Melalui pelaksanaan program ini, **perkhidmatan BAS.MY dijangka dapat memudahkan mobiliti kira-kira 28,000 pengguna setiap bulan, menggalakkan penggunaan pengangkutan awam darat dalam kalangan komuniti setempat, serta membantu menjimatkan kos perjalanan harian.** Inisiatif ini juga selaras dengan **usaha menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa, mesra pengguna, dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.**

Sehubungan itu, **APAD menyeru kerjasama daripada Kerajaan Negeri Kedah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan** untuk terus memberikan komitmen dalam usaha **menyediakan dan menambah baik hentian bas serta laluan pejalan kaki** di sepanjang laluan perkhidmatan **BAS.MY Kota Setar**, demi keselesaan dan keselamatan pengguna.



APAD kekal komited untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam darat yang **holistik, cekap, efisien, selamat dan berdaya saing**, demi manfaat rakyat, selaras dengan nilai teras **Malaysia MADANI**, iaitu **KESEJAHTERAAN** dan **IHSAN**.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
5 JUN 2025

- TAMAT -

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Kementerian Pengangkutan
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

